



**APLIKASI KONSEP MASLAHAH KEPENGGUNAAN DALAM PENGURUSAN  
PERBELANJAAN PERKAHWINAN MELAYU SEMASA  
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**[APPLICATION OF MASLAHAH CONSUMERISM CONCEPT IN ISLAMIC  
MALAY WEDDING EXPENSES MANAGEMENT]**

MUHAMMAD AIMAN IZZUDIN MOHD AFFANDY<sup>1\*</sup> & SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: aimanizzudin1996@gmail.com; madihah@unisza.edu.my

Correspondent Email: aimanizzudin1996@gmail.com

*Received: 1 September 2022*

*Accepted: 14 September 2022*

*Published: 30 September 2022*

**Abstrak:** Realiti perkahwinan masyarakat Melayu hari ini memperlihatkan kepelbagaian tuntutan elemen yang terdiri daripada elemen syarak, elemen adat mahupun elemen moden. Tuntutan elemen-elemen ini jelas memberi suatu tekanan dan bebanan dalam pelaksanaan perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu semasa. Keinginan masyarakat yang amat mementingkan gaya moden melebihi saranan syarak dan kemampuan kewangan memberikan pelbagai kesan negatif terhadap masyarakat dari segi ekonomi, sosial dan budaya. Justeru, artikel ini akan menyerlahkan konsep masalah kepenggunaan dalam Islam dan pelaksanaannya dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu menurut perspektif syarak. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif berbentuk dokumentasi digunakan bagi mengumpul data dan maklumat daripada kitab-kitab fiqh, kajian kontemporari dan artikel jurnal berkenaan konsep masalah kepenggunaan yang dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga konsep perbelanjaan perkahwinan berdasarkan konsep masalah kepenggunaan yang mana terdiri daripada sepadan kemampuan, keutamaan dan keseimbangan yang mana mampu membantu memudahkan urusan perkahwinan masyarakat Melayu semasa. Konsep ini sangat dianjurkan pengaplikasiannya oleh setiap ahli masyarakat dalam usaha merealisasikan perbelanjaan perkahwinan mengikut perspektif Islam.

**Kata kunci:** perbelanjaan perkahwinan, masalah, kepenggunaan.

**Abstract:** The reality of Malay wedding nowadays practically shows the variety of needs which consists of the main element of sharie marriage, cultural customs and modern trends. Obviously, these elements give such a negative impact and burden to modern Malay marriage. The people's unlimited desire that thirsts the modern style celebration rather than the Islamic compliance and finance capability affect so many things in life such as economy, social and culture. Thus, this article will focus on the concepts of *maslahah* consumerism according to Islamic law and its application in the management of Malay wedding expenses according to the Islamic perspective. This qualitative study uses document analysis methods through data collection from Islamic scholarly writings produced by academics in the field of *maslahah* consumerism management through content analysis. The results of the study found that there are three concepts of wedding expenses based on the concept of *maslahah* consumerism which consists of affordable spending, priority spending and balanced spending which can surely help facilitate the wedding Malay society. Based on the Islamic perspective, this concept can guide the community in implementing wedding expenses.

**Keywords:** Malay wedding expenses, finance, consumerisme.

**Cite This Article:**

Muhammad Aiman Izzudin Mohd Affandy & Syh Noorul Madihah Syed Husin. 2022. Aplikasi Konsep Masalah Kepenggunaan dalam Pengurusan Perbelanjaan Perkahwinan Melayu Semasa Menurut Perspektif Islam [Application of *Maslahah* Consumerism Concept In Islamic Malay Wedding Expenses Management]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(3), 18-36.

## PENGENALAN

Konsep masalah kepenggunaan merupakan antara anjuran penting dalam Islam ke atas setiap individu yang terlibat dalam aktiviti kepenggunaan. Aktiviti kepenggunaan yang biasanya melibatkan urusan seperti perbelanjaan, penggunaan barang dan perkhidmatan (Al-Qaysi, 2008) bagi memenuhi keperluan manusia, merupakan salah satu cabang dalam aktiviti ekonomi Islam yang mana matlamatnya adalah bagi memenuhi masalah hidup pengguna (Mohd Hapiz Mahaiyadin et al., 2015). Dalam urusan perbelanjaan perkahwinan Islam konsep masalah kepenggunaan memainkan peranan yang sangat penting dalam memandu setiap individu dalam melaksanakan aktiviti perbelanjaan secara positif agar tidak membawa kepada sebarang bentuk bebanan, kezaliman, pencabulan dan eksploitasi hak serta pembaziran dan pemborosan di samping menjaga keadilan pengguna agar ianya dibelanjakan ke arah yang dapat memberi manfaat dunia dan akhirat. Hal ini kerana perbelanjaan perkahwinan biasanya melibatkan sejumlah kos yang amat tinggi dan ianya perlu diuruskan dengan sistematik dan beretika agar dapat memelihara tindakan manusia dari melakukan perbelanjaan di luar matlamat.

Senario masa kini memperlihatkan perkahwinan masyarakat Melayu semasa agak terbeban pelaksanaannya. Hal ini kerana masyarakat telah dirumitkan dengan keperluan perkahwinan yang tidak hanya terhad kepada elemen utama seperti mas kahwin dan walimatulurus, malah turut melibatkan elemen adat dan trend terkini (Syh Noorul Madihah Syed Husin et al., 2014). Sambutan perkahwinan yang didasari gaya moden dan lebih memperlihatkan aktiviti komoditi barangan dan kemewahan (Syh Noorul Madihah, 2017) jelas menyumbang kepada bebanan perbelanjaan perkahwinan. Kerancangan aktiviti urus niaga industri perkahwinan di antara pengguna dan peniaga turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perkahwinan di samping pengaruh media sosial yang memaparkan perkahwinan mewah golongan kaya sekali gus menggalakkan lagi budaya materialistik (Shaliza Dasuki, Fazlina Mohd Radzi et al., 2015). Pengaruh budaya luar ke dalam adat perkahwinan masyarakat tempatan atas nama “kemodenan dan perkahwinan impian” (Nik Nazmi Nik Ahmad, 2010) juga bukan sahaja mempengaruhi corak perbelanjaan dan aktiviti kepenggunaan malah turut memberi kesan terhadap soal hukum hakam dalam perbelanjaan perkahwinan seperti isu membelakangkan perkara yang wajib, mengutamakan yang remeh, pembaziran dan berlebihan (Mohd Khairuddin et al., 2016). Aktiviti perbelanjaan sebegini jelas mendatangkan bebanan dalam urusan perbelanjaan perkahwinan serta membawa natijah yang buruk seperti budaya berhutang (Fatimah Salwa et al., 2016) dan perkahwinan lewat usia serta stress (Nurul Ain Hassan et al., 2018).

Justeru, kajian ini akan membahaskan tentang konsep masalah kepenggunaan dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu semasa menurut perspektif Islam bagi mengutarakan kaedah yang dianjurkan oleh syarak. Untuk mencapai objektif tersebut, metode kajian kualitatif berbentuk kepustakaan digunakan bagi mengumpul data dan

maklumat berkenaan konsep masalah kepenggunaan. Hasil daripada dapatan yang dianalisis, artikel ini kemudiannya akan menerangkan berkenaan kedudukan konsep masalah kepenggunaan dalam Islam dan pengaplikasiannya dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam dan seterusnya memandu masyarakat ke arah pengurusan perbelanjaan perkahwinan yang terbaik dan mesra perbelanjaan demi kemaslahatan urusan perkahwinan moden.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian ulama silam dalam perbelanjaan perkahwinan Islam lebih tertumpu kepada mas kahwin dan walimatulurus. Menurut Ibn 'Ashur (2001), mas kahwin merupakan satu pemberian dan bukan imbalan kepada persetubuhan. Pensyariatan walimatulurus pula adalah sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat perkahwinan (Al-Shirazi, 1995). Kajian Noryamin Aini (2014) menemui bahawa faktor sosio ekonomi memberi kesan terhadap penetapan kadar mas kahwin. Syh Noorul (2014) mendapati kadar mas kahwin di Malaysia adalah tidak sama antara setiap individu kerana wujud negeri yang mempunyai panduan kadar minimum dan ada negeri yang tidak ada. Mohd Khairuddin (2020) menyatakan trend majlis sambutan perkahwinan semasa banyak dipengaruhi oleh penerimaan sub ritual majlis perkahwinan gaya barat dan ini mempengaruhi peningkatan kos pelaksanaan majlis perkahwinan. Oleh itu, perlunya kaedah yang mampan bagi mengurangkan cabaran kos perbelanjaan perkahwinan seperti amalan gotong-royong dalam pengurusan perkahwinan masa kini (Zainorinyana, 2017).

## Konsep Masalah Kepenggunaan Menurut Syariat Islam

Konsep masalah kepenggunaan sememangnya saling berkaitan terutamanya dalam aspek kepenggunaan yang umumnya diketahui mempunyai inti kemaslahatan dalam orientasi konsepnya. Walau bagaimanapun, apabila wujud suatu istilah yang dimajmukkan, ia bermaksud hasil input dan perbincangan yang ingin disampaikan adalah berbeza dari konsep asal yang bersifat tunggal bahkan lebih terfokus. Untuk itu, perbincangan konsep masalah kepenggunaan akan menjelaskan terlebih dahulu konsep masalah dan kepenggunaan secara berasingan dan kemudiannya akan dirumuskan pada akhir perbincangan topik ini mengenai maksud konsep tersebut.

### Konsep Masalah dalam Islam

Secara umumnya, *masalah* bermaksud sesuatu yang berfaedah atau yang diambil faedah (Noresah Bahrom, 2002). Dari bahasa Arab, *masalah* diertikan sebagai kebaikan atau manfaat (Ibn Manzur, 2005). Adapun *masalah* dari segi istilah, *masalah* merupakan suatu perkara atau usaha untuk mengambil manfaat dan kebaikan serta menolak *mafsadah* atau kemudaratan bagi menjamin dan menjaga tujuan syarak (*maqasid syariah*) yang lima iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta (al-Ghazali, 1997). Maka, segala perkara yang dapat mencapai tujuan syarak maka ianya

dikategorikan sebagai *masalah* dan segala perkara yang menafikan dari tercapai tujuan syarak maka ianya adalah *mafsadah* atau kemudaratan.

'Izzuddin Ibn Abdul Salam (1974) pula mengetengahkan bahawa konsep *masalah* itu mempunyai dua bentuk iaitu dari sudut hakiki dan majazi, termasuklah bagi konsep *mafsadah*. Dari sudut hakiki, *masalah* merujuk kepada kebaikan dan kegembiraan dan dari sudut majazi pula adalah ianya punca bagi kebaikan dan kegembiraan. Dari sudut hakiki *mafsadah*, ia merujuk kepada kesakitan dan kegelisahan dan dari sudut majazi pula adalah ianya punca bagi kesakitan dan kegelisahan. Apa yang cuba dimaksudkan di sini adalah terkadang yang dilihat secara zahir *mafsadah* itu sebenarnya membawa masalah dan begitu juga sebaliknya, umpamanya memotong anggota kaki (*mafsadah*) bagi pesakit kencing manis agar kuman tidak merebak ke seluruh tubuh sekali gus menyelamatkan nyawa (*masalah*). Begitu juga dengan konsep zakat yang mana kelihatan seolah-olah mengurangkan harta (*mafsadah*) individu namun di sebaliknya adalah sebagai kepatuhan kepada suruhan Allah SWT, dicintainya dan menyucikan hartanya (*masalah*). Orientasi konsep *masalah* dalam syariat yang bertujuan mengambil manfaat dan menolak kemudaratan turut diperjelaskan oleh al-Shātībī (1975) sebagai pemeliharaan hak seseorang hamba, bukan sekadar dilihat menerusi zahir akal sahaja. Menurutnya lagi, tidak semua *masalah* dapat dicerap oleh akal namun apa yang pasti *masalah* yang ditujukan hakikatnya pasti menyeimbangkan kehidupan dunia dan akhirat seseorang. Hujah ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh 'Izzuddin Ibn Abdul Salam (1974) bahawa agama Islam keseluruhannya adalah *masalah* sama ada menolak kemudaratan atau meraih manfaat.

Dalam mengaplikasikan setiap *masalah* secara tepat, relevan dan sesuai mengikut keperluan semasa manusia, syarak turut menyediakan suatu formula atau panduan tingkat keutamaan *masalah* yang bertujuan melestarikan pelaksanaan dan tujuan syarak agar dilaksanakan mengikut kepentingan, keperluan dan prioriti ketika mana berlaku pertembungan pelbagai *masalah*. Bahkan secara teorinya juga, prinsip *maqasid syariah* sudah memaparkan tentang idea keutamaan di mana masalah agama menjadi prioriti dalam mencapai tujuan syarak, kemudian diikuti dengan masalah nyawa, akal, keturunan dan harta. Tingkat keutamaan *masalah* tersebut terbahagi kepada tiga peringkat iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (al-Ghazali, 1997). Menurut Yusuf al-Qaradawi (1999), *daruriyyat* adalah perihal paling utama dan terpenting yang menjadi asas bagi pemeliharaan tujuan syarak yang lima. Apabila masalah *daruriyyat* ini tidak dipelihara, maka ia akan menghilangkan keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat malah tidak mendapat kebahagiaan serta boleh menjerumuskan kepada dosa (al-Zuhayli, 2008). Tingkatan *hajiyyat* pula mendukung dan memberi keselesaan atau kelapangan bagi tahap *daruriyyat* dan sekiranya tidak dipenuhi pasti akan mendatangkan kesukaran dalam urusan kehidupan namun masih lagi tidak mengganggu pelaksanaan urusan kehidupan dan syariat, umpamanya diberikan keringanan menunaikan solat *jamak* dan *qasar* bagi musafir. Tingkat *tahsiniyyat* pula adalah perihal yang menyempurnakan segala keperluan tingkatan dari *daruriyyat* dan *hajiyyat*. Misalnya, dalam perihal seseorang ketua keluarga memberi nafkah makanan, kewajipan yang utama mestilah mencukupi keperluan *kifayah* (*daruriyyat*) (Al-Tabari, 1988) iaitu makan nasi. Sekiranya ketua keluarga berkemampuan membeli sayuran dan ikan maka ia telah dikategorikan melaksanakan nafkah pada tahap *hajiyyat* dan apabila berkemampuan untuk membeli makanan di restoran atau menafkahi ahli keluarganya dengan makanan di luar rumah

maka dia telah dikategorikan melaksanakan nafkah pada tahap *tahsiniyyat*. Walaupun terdapat perbahasan yang membahagikan tahap keperluan *masalahah* dalam ruang lingkup yang lebih meluas dan khusus seperti *masalahah khassah* (individu) dan *masalahah ammah* (awam) atau mendahulukan *masalahah* yang besar berbanding *masalahah* yang kecil, mengutamakan *masalahah* yang pasti berbanding *masalahah* yang tidak pasti, namun secara umumnya pemahaman terhadap tiga tingkatan *masalahah* ini cukup memadai kerana ia adalah asas dalam menentukan kepentingan dan keutamaan tahap sesuatu *masalahah*. Justeru, di sini juga memperlihatkan bahawa tingkatan *masalahah daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* jelas mendidik umat Islam agar peka tentang keperluan yang paling utama dalam urusan *masalahah* dunia dan akhirat.

Bagi mengenal pasti pengaplikasian konsep *masalahah* yang diterima syarak dan yang bertentangan syarak, Abdul Karim Zaydan (2006) mengkategorikan konsep *masalahah* kepada tiga bahagian iaitu *masalahah mu'tabarah*, *masalahah mulghaah* dan *masalahah musrsalah*. Menurut beliau, *masalahah mu'tabarah* adalah *masalahah* yang diambil kira yang mana jelas dari nas dan tujuan pensyariatannya seperti disyariatkan jihad bagi menjaga *masalahah* agama dan disyariatkan hudud bagi menjaga *masalahah* harta. *Maslahah mulghaah* pula adalah *masalahah* yang tidak diambil kira kerana syarak membatalkannya atas sebab tidak menepati konsep *masalahah* yang dikehendaki syarak seperti mengamalkan riba' bagi menjana harta. *Maslahah* sebegini jelas ditentang syarak kerana ianya lebih membawa kemudharatan di samping dalil syarak yang jelas mengharamkan riba. Firman Allah SWT,

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: “Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.” (al-Baqarah 2:275)

Seterusnya adalah *masalahah musrsalah*. *Maslahah* ini secara pensyariatannya tidak wujud sebarang dalil yang menolak atau menerimanya namun ianya diterima sebagai *masalahah* di sisi ahli usul kerana masih lagi berpandukan syarat utama konsep *masalahah* iaitu meraih manfaat dan menolak kemudharatan di samping ianya disyaratkan hanya dalam lingkungan masalah umum dan tidak bercanggah dengan sebarang nas. al-Shātībī (2006) turut mensyaratkan bahawa *masalahah musrsalah* mestilah selari dengan *maqasid syariah*, diterima akal dan menjaga perkara *dharuri*. Misalnya peraturan jalan raya yang dikuatkuasakan oleh kerajaan seperti lampu isyarat bertujuan memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh berkaitan tanggungjawab pemerintah iaitu (Al-Suyūfī, 2004),

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya: “Tindakan (perlaksanaan) pemerintah ke atas rakyat adalah mesti berkait (terikat) dengan *masalahah*.”

Begitu juga urusan kemaslahatan kekeluargaan seperti perkahwinan yang mana kerajaan menerusi wakil Majlis Agama Islam Negeri menetapkan kadar minimum bayaran

mas kahwin yang perlu dipatuhi sebagai langkah proaktif dalam memudahkan urusan perbelanjaan perkahwinan pasangan Islam di Malaysia (Zurita, 2008).

Oleh itu, berdasarkan perbincangan tentang konsep *maslahah* yang dibahaskan, maka dapat dirumuskan bahawa *maslahah* adalah kemampuan mengambil nilai-nilai manfaat dan kebaikan dan menafikan nilai-nilai kesukaran dan keburukan, di mana kedua-duanya (manfaat dan kerosakan dapat dijadikan perantaraan dalam melaksanakan tujuan syariat demi kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Melalui pelaksanaan *maslahah* mengikut tahap keutamaan *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* pula, setiap individu dan masyarakat dapat melaksanakan setiap perkara mengikut keutamaan, keperluan dan keseimbangan yang terbaik bagi mencapai kehidupan yang sejahtera.

### **Konsep Kepenggunaan dalam Islam**

Kepenggunaan berasal dari kata “guna” yang bermaksud segala yang berkaitan dengan pengguna barangan (Noresah Bahrom, 2002). Pengguna pula merupakan orang yang membeli barangan untuk keperluan peribadi (Al-Rummani, 1994) dan aktiviti penggunaan tersebut meliputi makna perbelanjaan, pembelian, penggunaan sehingga habis, pemuasan, pemborosan, pembaziran dan pemusnahan.

Menurut teori ekonomi konvensional kepenggunaan didefinisikan sebagai suatu aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh pengguna yang mana bertujuan meningkatkan kepuasan yang diperoleh dari barangan dan perkhidmatan (Nurshuhaida Abdul Razak dan Siti Zaiton Mohd Dali, 2012). Takrifan ini turut diperkuatkan oleh pengkaji teori ekonomi Barat seperti Donald W. Moffat (1982) yang mana menjelaskan kepenggunaan adalah penggunaan barang dan perkhidmatan yang dapat memuaskan kehendak-kehendak pengguna. Kesan daripada penggunaan tersebut pula menatijahkan nilai faedah dan utiliti. Di sini memperlihatkan bahawa teori ekonomi kepenggunaan konvensional lebih cenderung kepada matlamat kepuasan diri dan keuntungan dunia tanpa memasukkan falsafah nilai kehidupan atau yang bersifat agama malah hanya terhad kepada satu pihak iaitu pengguna barangan.

Adapun teori kepenggunaan Islam, ianya merujuk kepada aktiviti penggunaan terhadap sesuatu benda, barangan, manfaat dan juga perkhidmatan oleh manusia yang bertepatan dengan kaedah-kaedah syarak untuk memperoleh manfaat (Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Muhammad Rahimi Osman, 2015). Kepenggunaan Islam juga bukan terhad bagi pihak yang mengguna barangan dan perkhidmatan bahkan setiap individu yang terlibat dengan aktiviti tersebut sama ada yang berbayar mahupun tidak. Dengan kata lain, konsep kepenggunaan Islam lebih menyeluruh dan holistik yang mana merangkumi kebaikan di dunia dan di akhirat dan bukan sekadar kepuasan untuk diri sendiri semata-mata. Ini bertepatan dengan konsep ekonomi Islam kontemporari yang menekankan bahawa kegiatan ekonomi oleh individu dan masyarakat dalam pengagihan, pengeluaran dan penggunaan mestilah selari dengan syarak (Basri Abd. Ghani et al., 2008). Walaupun konsep kepenggunaan Islam pada zaman silam hanya lebih terarah kepada perbincangan hukum hakam yang bersifat praktikal (Al-Rummani, 1994), namun situasi ekonomi moden yang sangat mencabar terutamanya dalam merealisasikan matlamat syarak seperti masalah penjagaan harta, sangat berhajat kepada suatu bentuk konsep yang dijelaskan dengan secara terperinci dan bersifat global agar mudah untuk dicerap dan dilaksanakan dalam urusan ekonomi kepenggunaan masyarakat

Islam. Hal ini aktiviti penggunaan hari ini bukan sahaja berbentuk fizikal bahkan juga berbentuk manfaat yang tidak dilihat. Justeru, setiap tindakan yang dilakukan mestilah mengikut kehendak syarak agar tujuan untuk meraih Allah SWT tercapai. Seperti mana firman Allah SWT,

ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَحْسِنِيْنَ فِيْهِ قَالُوْا مِنْكُمْ وَاَنْفِقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ

Maksudnya: “Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan nafkahkanlah sebahagian dari hartamu yang Allah telah menjadikan kamu menguasainya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) dari hartanya memperoleh pahala yang besar.” (al-Hadid 57:7)

Dalam memastikan konsep kepenggunaan Islam dilaksanakan selari dengan kehendak syarak, maka beberapa prinsip telah dijadikan panduan bagi menyerlahkan konsep kepenggunaan Islam (Muhammad Abdul Manan, 1980). Pertamanya adalah kemaslahatan. Tunjang utama aktiviti kepenggunaan dalam Islam mestilah berdasarkan kemaslahatan, bukan bersandarkan kepada kehendak yang tidak terbatas (Nurshuhaida Abdul Razak & Siti Zaiton Mohd Dali, 2012). Setiap individu perlu mengambil kira *masalahah* dalam prinsip *maqasid syariah* terutamanya *hifz mal* ketika mana melakukan aktiviti kepenggunaan seperti perkhidmatan ataupun barangan (Saiful Azhar Rosly, 1986). Tanpa *masalahah* yang jelas, manusia akan cenderung beramal dengan cara yang salah dan mengakibatkan kemudaratan di dunia dan di akhirat. Selain itu, kesederhanaan turut menjadi prinsip yang ditekankan dalam kepenggunaan. Anjuran Islam untuk bersederhana dalam urusan kepenggunaan bertujuan mengawal nafsu manusia beraktiviti tanpa tujuan dan batasan (Muhammad Abdul Manan, 1980). Kesederhanaan dalam kepenggunaan pastinya dapat menjamin kebaikan dari sudut duniawi seperti sikap menabung untuk keperluan masa depan dan ukhrawi seperti infak *fi sabilillah*. Seterusnya adalah prinsip pemilikan, yang mana aktiviti kepenggunaan hanya sah dijalankan dengan syarat seseorang individu mempunyai pemilikan barang atau perkhidmatan yang penuh dan sah menurut syarak (Muhammad Abu Zahrah, 1962). Hal ini kerana Islam amat menjaga hak setiap individu dan mana-mana amalan yang tidak selari dengan syarak seperti barangan milik orang lain atau eksploitasi secara haram tidak akan diterima. Akhir sekali, amanah dan pengabdian (Nurshuhaida Abdul Razak & Siti Zaiton Mohd Dali, 2012). Segala nikmat dan harta yang diberikan oleh Allah SWT adalah amanah dan perlu digunakan untuk tujuan yang baik dan jelas, bukan digunakan sesuka hati mengikut kehendak. Walaupun teori asas kepenggunaan membolehkan seseorang menikmati hasil kepenggunaan untuk kepentingan diri, namun batasan dalam Islam perlu dijadikan sempadan agar manusia tahu bahawa nikmat kebendaan yang dikurniakan perlu mendahulukan hak agama dan setiap tindakan yang dilakukan di dunia akan menjadi hujah di akhirat kelak.

### **Konsep Masalahah Kepenggunaan**

Sebagai rumusan, dapatlah diketahui bahawa masalahah kepenggunaan adalah suatu konsep yang dibina bagi menyeimbangkan dan memaksimumkan segala aktiviti ekonomi yang berkaitan kepenggunaan seperti penggunaan barang, perkhidmatan dan perbelanjaan

agar selari dengan tujuan kemaslahatan yang dikehendaki syarak, yang mana mengambil kira keperluan dan kepentingan setiap pihak yang terbabit serta mengelakkan daripada terjebak dengan unsur negatif seperti pembaziran dan pemborosan. Inti konsep ini adalah penekanan terhadap kemaslahatan secara holistik yang tidak hanya terhad dalam urusan kepenggunaan yang berunsurkan keuntungan ekonomi sahaja, malah turut menekankan juga unsur keutamaan dan keseimbangan dalam menguruskan segala aktiviti kepenggunaan yang berdasarkan tingkatan *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* yang diadaptasi dari konsep masalah yang asal yang berprinsipkan maqasid syariah sebagai panduan. Tuntutan masalah kepenggunaan dalam Islam jelas berkait rapat dalam kehidupan masyarakat moden yang banyak terdedah dengan aktiviti kepenggunaan, baik berupa urusan perkhidmatan mahupun perbelanjaan, individu mahupun kelompok masyarakat, bersifat keuntungan urusan mahupun tidak, bersifat duniawi mahupun ukhrawi malah baik yang berbentuk kepenggunaan yang bersifat fizikal mahupun manfaat. Konsep-konsep penting yang diketengahkan dalam masalah kepenggunaan seperti keutamaan, keseimbangan dan kesederhanaan pastinya dapat membantu masyarakat dalam melaksanakan aktiviti kepenggunaan secara lebih teratur dan sempurna dalam rangka menepati kehendak syarak, di samping turut menghasilkan beberapa kaedah fiqh dalam menyelesaikan pelbagai isu semasa seperti *tasarruful imam 'alar-ra'iyati manauti bilmasalah* (Tindakan (perlaksanaan) pemerintah ke atas rakyat adalah mesti berkait (terikat) dengan masalah), *al-masyaqqah tajlib al-taysir* (kesukaran akan mengundang kemudahan) dan *idza dāqa al-amr 'ittasa'a* (jika sesuatu urusan terlalu sempit, maka perlu diperluaskan) (Al-Suyūṭī, 2004). Justeru, doktrin masalah kepenggunaan iaitu keseimbangan dan keutamaan bukanlah bermaksud menghalang manusia daripada mendapatkan hak kepuasan dalam aktiviti kepenggunaan namun membantu manusia agar setiap perkara yang dilakukan dengan cara yang patuh syariah kemaslahatan dunia dan akhirat.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengimpunkan maklumat data dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Dokumen yang dikumpul adalah berasaskan sumber sekunder melalui penulisan ilmiah dalam bidang perbelanjaan dan kekeluargaan Islam. Data kemudiannya dicerakin dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Ini bertujuan bagi mengetahui elemen perbelanjaan perkahwinan dalam Islam dan konsep yang diaplikasikan dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan yang dituntut oleh Islam.

Hasil analisis kandungan, data seterusnya disusun dengan menggunakan kaedah tematik iaitu disusun maklumat data mengikut tema khusus berdasarkan tujuan kajian. Dengan kaedah yang diguna pakai ini, data yang diperolehi akan diproses, diteliti dan seterusnya dilakukan proses pengkategorian dan pengekodan mengikut ciri-ciri data untuk mengemukakan tema berkaitan dengan isu yang dikaji (Glenn A. Bowen, 2009).

## **PENGAPLIKASIAN KONSEP MASLAHAH KEPENGGUNAAN DALAM PERBELANJAAN PERKAHWINAN**

Urusan perkahwinan sememangnya melibatkan sejumlah perbelanjaan yang perlu diurus dengan cermat. Hal ini kerana konsep perkahwinan itu sendiri mencerminkan tentang



tanggungjawab terhadap nafkah berbentuk perbelanjaan untuk dilaksanakan dalam keluarga. Dalam perkahwinan masyarakat Melayu, tiga elemen perbelanjaan terbesar yang menjadi fokus adalah mas kahwin, walimatulurus dan wang hantaran. Umumnya, dokumentasi oleh para fuqaha berkaitan perbelanjaan perkahwinan dalam Islam hanya terarah kepada perbahasan dua elemen perbelanjaan utama dalam perkahwinan iaitu mas kahwin dan walimatulurus. Walau bagaimanapun, bagi masyarakat Melayu urusan perbelanjaan perkahwinan turut melibatkan sebuah lagi perbelanjaan “besar dan penting” iaitu hantaran berupa adat. Di tambah pula dengan perbelanjaan sedia ada dalam Islam, maka jelas sekali urusan perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu memerlukan sebuah perbelanjaan yang khusus.

Menurut Mustafa al-Khin et al., (2005) mas kahwin merupakan bayaran wajib yang dikeluarkan oleh suami dari hartanya, sama ada berbentuk barangan ataupun manfaat. Pemberian mas kahwin menjadi simbolik keikhlasan, kesungguhan dan tanggungjawab suami dalam mengahwini isterinya (al-Sha'rawi, 2000). Majlis perkahwinan atau walimatulurus pula adalah suatu tuntutan sunat *muakkad* yang sangat dianjurkan oleh syarak sebagai hebahan perkahwinan dan tanda kesyukuran (Al-Zuhayli, 1989). Bagi masyarakat Melayu, perbelanjaan tambahan yang khusus dan terlibat secara langsung dalam perkahwinan adalah hantaran. Hantaran merupakan sebuah adat pemberian wang dalam perkahwinan masyarakat Melayu yang diberi kepada pengantin perempuan (Fatimah Abdullah, 2009). Biarpun banyak lagi keperluan perkahwinan adat masyarakat Melayu yang melibatkan perbelanjaan, akan tetapi ianya tidaklah serumit dan sepenting wang hantaran yang lebih diutamakan dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Pelaksanaan perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu yang melibatkan ketiga-tiga elemen tersebut bukan sahaja berhajat kepada wang, malah menuntut pengurusan perbelanjaan harta dengan baik. Hal ini kerana isu yang sering berlaku dalam perkahwinan masyarakat Melayu adalah bebanan dari sudut perbelanjaan yang dipengaruhi oleh pelaksanaan majlis perkahwinan yang bersifat materialistik (Mohd Khairuddin et al. 2016), khususnya kadar wang hantaran yang tinggi (Siti Zaleha Ibrahim, 2011). Wang hantaran pada masa kini dilihat sebagai suatu yang lebih membebaskan berbanding mas kahwin kerana daripada wang hantaran tersebut digunakan untuk persiapan majlis perkahwinan (Siti Zaleha Ibrahim et al., 2019). Senario ini bertambah parah apabila masyarakat moden lebih mengutamakan trend dan budaya bersaing yang akhirnya membawa kepada pelbagai kesan negatif seperti kahwin lewat.

Justeru, kaedah pengurusan perbelanjaan perkahwinan yang betul terutamanya berdasarkan konsep masalah kepenggunaan perlu dititik beratkan bagi menangani krisis bebanan dalam perbelanjaan perkahwinan. Umumnya, Islam amat menjunjung konsep masalah kepenggunaan dalam urusan perkahwinan bagi memastikan ianya dilaksanakan secara teratur dan tidak membebakan. Perkahwinan berkonsepkan masalah kepenggunaan bermaksud perkahwinan yang dilaksanakan secara sederhana, keutamaan dan mendahulukan keperluan terpenting dalam perbelanjaan perkahwinan berdasarkan *masalah* agar urusan perkahwinan terhindar dari kesusahan, pembaziran dan pemborosan.

Kesederhanaan dalam perbelanjaan Islam terletak antara kebakhilan dan pemborosan (Surtahman Kastin Hassan & Sanep Ahmad, 2010). Menurut al-Syaukani (1996), kesederhanaan merupakan sifat yang menjaga diri keburukan melampau. Rasulullah SAW bersabda,

Maksudnya: "Sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan". (Riwayat al-Baihaqi)

Dalam perbelanjaan perkahwinan Islam, elemen mas kahwin jelas mempamerkan tuntutan bersederhana yang mana pemberiannya menekankan kadar nilai namun tiada jumlah spesifik (Abdul Karim Zaydan, 1986). Ketetapan nilai mas kahwin yang mesti bernilai namun tidak ditentukan kadar jelas menzahirkan konsep masalah kepenggunaan yang mencerminkan kesederhanaan. Anjuran bersederhana yang menjadi inti dalam perbelanjaan perkahwinan fokusnya agar memberi peluang kepada masyarakat yang ingin berkahwin untuk melangsungkan perkahwinan tanpa sebarang halangan disebabkan bebanan perbelanjaan yang tinggi (Syh Noorul Madihah Syed Husin, 2014). Anjuran keutamaan berdasarkan masalah kepenggunaan juga dapat dilihat menerusi ketetapan kadar minimum bayaran mas kahwin Majlis Agama Islam Negeri (Zurita, 2008) yang bertindak atas dasar memudahkan urusan perkahwinan masa kini yang kian terhimpit dengan cabaran ekonomi moden yang mana segalanya menuntut kepada perbelanjaan (Ahmad Hidayat Buang, 2009). Di sini jelas memperlihatkan bahawa konsep masalah kepenggunaan juga menghala kepada meringankan urusan perkahwinan.

Rasulullah SAW turut mempamerkan pengaplikasian masalah kepenggunaan yang menggabungkan nilai kesederhanaan dan keutamaan dalam perkahwinan yang mana diriwayatkan pemberian mas kahwin kepada isteri baginda iaitu Saidatina Aisyah R.A adalah berupa perkakas rumah yang bernilai lima puluh dirham (Ibn Mājah, t.t). Hikmah pemberian sedemikian adalah kerana baginda mengetahui keperluan yang lebih utama untuk dimiliki dalam rumah tangga. Konsep sebegini juga mendidik masyarakat untuk berbelanja berdasarkan kesederhanaan dan kemampuan serta menapis perbelanjaan yang tidak penting agar terhindar dari pembaziran (Syh Noorul Madihah Syed Husin et al., 2016). Ini sekaligus dapat memudahkan urusan perkahwinan (Haslina Hassan & Ann Wan Seng, 1995) serta menggalakkan kesederhanaan dalam perbelanjaan perkahwinan.

Justeru, bagi memastikan urusan perkahwinan dilaksanakan berdasarkan anjuran masalah kepenggunaan, maka perbelanjaan yang dilakukan mestilah dilaksanakan mengikut kesederhanaan, keutamaan dan kemampuan serta berperancangan demi kebaikan masa depan, seperti menetapkan kadar mas kahwin di tahap sederhana. Kadar mas kahwin yang tinggi tidak seharusnya menjadi penanda aras kesungguhan lelaki kerana itu bukanlah maksud pemberian mas kahwin yang sebenar dalam Islam. Masyarakat Melayu perlu sedar bahawa komitmen selepas berkahwin adalah lebih besar. Atas dasar itulah Islam menuntut amalan perbelanjaan perkahwinan mengikut keutamaan dan bersikap bersederhana bahkan sunat dalam perkahwinan tidak menetapkan mas kahwin dengan kadar yang tinggi (Ibn Qudāmah, 1997). Amat memadai jika nilai mas kahwin tersebut memberi kemaslahatan bagi kedua-dua pihak, terutamanya kemaslahatan selepas berkahwin. Bagi perbelanjaan walimatulurus, amatlah dianjurkan agar diutamakan makanan budaya setempat yang tidak memerlukan kos yang tinggi. Bagi wang hantaran, seharusnya hantaran itu tidak menjadi keutamaan yang merumitkan, cukup sekadar nilainya yang sederhana dan tidak lari dari konsep hibah yang tidak berkait dengan bebanan.

Justeru, antara bentuk anjuran konsep masalah kepenggunaan dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan dalam Islam adalah:

1. Perbelanjaan yang memudahkan

Islam secara prinsipnya amat menuntut kaedah perbelanjaan yang memudahkan dalam urusan perkahwinan. Ini kerana pensyariatan terhadap segala amalan sememangnya didatangkan dengan konsep mudah dilaksanakan dan tidak membebankan. Tiada ibadah yang diperintah di luar kemampuan manusia melainkan akan didatangkan jalan terbaik untuk menyelesaikannya (Ibn Kathir, 1998). Rasulullah SWT bersabda,

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama itu mudah, janganlah seseorang daripada kamu menyukarkan (menyulitkan urusan agama itu) melainkan kamu akan tewas”. (H.R Bukhari)

Hadis di atas memaparkan tuntutan memudahkan dalam urusan agama dan melarang daripada menyukarkannya. Berdasarkan hadis ini, al-Asqolani (2001) menyatakan Islam tidak menegah dalam mencari kesempurnaan dalam urusan ibadat namun melarang manusia bersikap melampau yang boleh membawa kepada berlebih-lebih dalam perkara yang sunat sehingga membawa kepada meninggalkan yang afdal. Ini membuktikan setiap urusan agama itu didatangkan dengan memudahkan agar tidak membebankan individu dan mencapai kemaslahatan yang terbaik.

Justeru, dalam melaksanakan perbelanjaan perkahwinan seharusnya anjuran memudahkan dipraktikkan dengan sebaik mungkin. Hal ini dibuktikan oleh Rasulullah SAW dalam hadis baginda yang menekankan tentang konsep memudahkan dalam urusan pemberian mas kahwin. Sabda baginda,

أعظم النساء بركة أيسرهن مؤنة

Maksudnya: “Sesungguhnya wanita yang paling diberkati adalah yang paling mudah belanja untuk menikahinya.” (H.R Ahmad)

Hadis di atas menjelaskan kedudukan wanita yang paling diberkati adalah yang paling mudah urusan perbelanjaan perkahwinannya (Ibn Hanbāl, 1978). Intipati hadis ini juga adalah ingin menyatakan bahawa perkaitan antara memudahkan dan diberkati sangat berkait rapat kerana ia merupakan permulaan pelaksanaan dasar-dasar urusan kekeluargaan yang akan dibuat selepas berkahwin, yang mana sama ada semakin memudahkan atau menyukarkan. Dasar-dasar ini digambarkan sebagai pelan perancangan kewangan, khususnya perbelanjaan sebelum dan selepas berkahwin. Ini bermaksud corak perbelanjaan amat mempengaruhi pengurusan kewangan (Noraihan Mamat Zambi et al., 2013), jika corak perbelanjaan menitikberatkan konsep memudahkan, maka pengurusan kewangan akan menjadi positif dan memberi kebaikan. Ini sejajar dengan konsep induk masalah kepenggunaan yang mana

matlamatnya adalah memberi kemudahan dan kebaikan ekonomi sebelum dan selepas berkahwin. Walaupun hadis di atas merujuk kepada bab dianjurkan memudahkan bayaran mas kahwin dan tidak meninggikannya (al-Syaukani, 1996), namun dasar hadis ini jelas menterjemahkan bahawa kunci kepada urusan perkahwinan yang diberkati dan kebaikan berpanjangan adalah melalui konsep memudahkan. Perbelanjaan perkahwinan yang memudahkan turut ditunjukkan oleh Rasulullah SAW saat menghadihkan Saidatina Aisyah R.A dengan mas kahwin berupa perkakas rumah yang bernilai lima puluh dirham yang mana nilai tersebut sangat tidak membebankan (Ibn Mājah, t.t). Pemberian tersebut jelas menunjukkan ianya suatu pemberian yang mudah untuk disediakan, di samping fungsinya yang memudahkan tugas isteri dalam urusan harian keluarga selepas berkahwin.

Justeru, perbelanjaan yang memudahkan amat selari dengan konsep masalah kepenggunaan yang mana tujuannya meringankan urusan perbelanjaan perkahwinan dan mencapai kebaikan yang berpanjangan, di dunia dan di akhirat. Perkahwinan yang dibina menuntut kepada keberkatan dan kebahagiaan (Ibn Hanbāl, 1978). Oleh itu, konsep memudahkan amat dituntut bagi melancarkan urusan perkahwinan sekali gus menjadi gambaran bagi perbelanjaan ekonomi keluarga yang bakal dilaksanakan kelak (Muhammad Nabil, 2006). Bagi memastikan urusan perbelanjaan dilaksanakan dengan mudah, elemen perbelanjaan perkahwinan perlu diselaraskan mengikut kemampuan pihak pasangan seperti tidak meletakkan bayaran mas kahwin atau hantaran yang tinggi, membuat senarai semak item perbelanjaan. Ini sekaligus dapat mengelakkan risiko berbelanja secara berlebihan. Sikap berlebih-lebihan dalam perbelanjaan yang mengabaikan konsep memudahkan boleh membawa kepada hilangnya kebahagiaan, pembaziran, tekanan dan hutang-piutang yang akhirnya mencacatkan perbelanjaan perkahwinan sehingga membawa kepada perancangan perbelanjaan yang lemah dalam rumah tangga kelak.

## 2. Perbelanjaan secara bersederhana

Dalam melaksanakan perbelanjaan perkahwinan, konsep perbelanjaan secara sederhana sangat memainkan peranan dalam mengawal urusan perbelanjaan. Perbelanjaan secara sederhana bermaksud perbelanjaan yang dilakukan di antara batas berlebihan dan tidak kedekut (Surtahman Kastin Hassan & Sanep Ahmad, 2010), yang mana tidak dibelanjakan terlalu tinggi dan tidak pula terlalu rendah. Perbelanjaan yang didasari konsep kesederhanaan mampu menyekat sikap bakhil dan pemborosan dari berlaku bahkan membantu masyarakat dalam meletakkan batasan bajet agar tidak terkeluar dari limit kemampuan yang boleh mendatangkan bebanan seperti isu keberhutangan dan muflis (Wijaya Kamal Ramlan et al., 2018).

Jika dianalisis, konsep kesederhanaan jelas dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran menerusi firmanNya,

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّعَ إِيمَانِكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:“ Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia..”.(Surah al-Baqarah 2: 143)

Ayat di atas menerangkan bahawa *wasata* atau kesederhanaan merujuk kepada keadilan, kesederhanaan dan tidak pula melampaui batasan kewajaran (Muhamadul Bakir & Khatijah Othman, 2017). Ia juga bermaksud kepada suatu penilaian yang adil yang mana memberikan hak kepada yang berhak tanpa berkurang dan melampau (Muhamad Faisal Ashaari et al., 2018). Menurut Fakhruddin Abdul Mukti et al. (2010), tuntutan kesederhanaan dalam Islam jelas meliputi segala aspek kehidupan yang berkaitan ekonomi seperti perbelanjaan. Kesederhanaan dalam Islam membantu manusia melebihi nilai ibadah berbanding nilai keduniaan dalam setiap amalan. Justeru, perbelanjaan perkahwinan berkonsepkan kesederhanaan adalah perbelanjaan secara seimbang yang meliputi kaedah perbelanjaan secara berhemah, adil dan jauh dari sifat kedekut dan tidak membazir. Ini bertujuan memastikan pengurusan kewangan individu diuruskan dengan baik, cekap dan sistematik yang mana dapat menghindarkan diri dari perbelanjaan yang tidak berfaedah (Azharuddin Abdollah et al., 2021).

Menyingkapi pengaplikasian perbelanjaan perkahwinan, jelas memaparkan konsep kesederhanaan dalam Islam terutamanya dalam aspek pembayaran mas kahwin yang mana walaupun tidak ditetapkan jumlah khusus bagi bayaran mas kahwin namun syarat umum menetapkan pemberian tersebut mestilah yang berharga menurut syarak dan bermanfaat buat isteri (Abdul Karim Zaydan, 1986). Kesederhanaan dan keseimbangan yang dipamerkan menerusi ketiadaan jumlah bayaran khusus namun terikat dengan syarat pemberian yang berharga jelas menunjukkan konsep sederhana yang dikehendaki Islam. Ini membantu masyarakat Islam dalam menyediakan pemberian yang berharga namun dalam masa yang sama tidak terlalu mahal, di samping memberi peluang kepada masyarakat untuk berfikiran kreatif dan bijaksana dalam soal memilih pemberian dari sudut jenis dan kadar yang terbaik kepada isteri.

Rasulullah SAW jelas menunjukkan contoh terbaik dalam menekankan konsep kesederhanaan yang mana diriwayatkan pemberian mas kahwin kepada salah seorang isteri baginda iaitu Saidatina Aisyah R.A adalah berupa perkakas rumah yang mana ianya bernilai lima puluh dirham (Ibn Mājah, t.t). Bahkan, dalam satu riwayat yang lain pula menceritakan bahawa jamuan utama walimatulurus baginda bersama Saidatina Safiyyah Binti Hūyayy R.A yang ketika itu dalam permusafiran adalah sekadar *hays* (Muslim, 2000), iaitu sejenis makanan yang diadun dari keju, kurma dan minyak sapi. Di Jelas di sini bahawa Rasulullah SAW amat mementingkan konsep kesederhanaan dalam perbelanjaan perkahwinan baginda sama ada pada aspek pemberian mas kahwin mahupun pelaksanaan walimatulurus. Walaupun hakikatnya baginda mampu melaksanakan perbelanjaan yang lebih baik namun baginda tetap

memilih melakukannya secara bersederhana kerana ingin menunjukkan konsep perbelanjaan perkahwinan yang sebenar yang mana akan menuntut lebih banyak komitmen selepas berkahwin.

Justeru, perbelanjaan yang didasari konsep kesederhanaan yang diadaptasi dari masalah kepenggunaan mampu mengatasi kesulitan dalam urusan perbelanjaan perkahwinan. Kesederhanaan dalam perbelanjaan yang tujuannya bagi meraih masalah yang lebih banyak selepas perkahwinan mampu menyekat sikap bakhil dan pemborosan dalam diri individu serta menjauhkan diri dari masalah ekonomi domestik seperti isu keberhutangan yang disebabkan perbelanjaan berlebihan (Wijaya Kamal Ramlan et al., 2018). Ini sekaligus mampu mendidik individu untuk berdisiplin dalam soal perbelanjaan dan menyuburkan sifat *qonaah* dalam diri yang mana amat diperlukan dalam urusan rumah tangga kelak.

### 3. Perbelanjaan mengikut keutamaan

Dalam melaksanakan apa jua perbelanjaan termasuk perkahwinan, Islam sangat menganjurkan konsep perbelanjaan mengikut keutamaan. Konsep keutamaan memastikan perbelanjaan yang dilakukan dibelanjakan ke arah yang memberi manfaat yang optimum di samping pengeluaran bajet yang tidak perlu dan melampau sehingga mendatangkan pembaziran. Hal ini kerana perbelanjaan yang tidak mengikut keutamaan atau dibuat dengan betul pastinya akan cenderung kepada perbelanjaan di luar kemampuan atau defisit (sumber kewangan) (Mamat et al., 2013). Keutamaan di sini juga bukan hanya dari segi kepentingan dunia bahkan mengambil kira kepentingan akhirat iaitu urusan agama.

Rasulullah SAW telah mempraktikkan konsep keutamaan lagi bermanfaat dalam perbelanjaan perkahwinan baginda tatkala menu hidangan walimatulurus baginda dihidangkan dengan jenis makanan harian penduduk Arab seperti *hays*, *sawiq*, sajian berasaskan kambing, roti dan barli (Muslim, 2000). Rasulullah SAW tidak meraikan majlis dengan makanan yang bukan kebiasaan atau terlalu banyak sehingga mendatangkan pembaziran bahkan baginda mengajak sekali para sahabat untuk turut serta menghidangkan jamuan sekali gus menikmati kegembiraan bersama semua masyarakat Islam. Para ulama menyatakan bahawa membantu sahabat-sahabat yang mengadakan walimah dalam apa jua bentuk hidangan makanan adalah sunat hukumnya (al-Nawawi, 2001). Apa yang dapat diperhatikan, pembaziran dapat dielakkan apabila setiap tetamu membawa makanan masing-masing sebagai jamuan yang mana dapat menjimatkan kos tuan rumah dalam penyediaan makanan sekaligus menepati konsep masalah kepenggunaan yang menafikan unsur pembaziran. Selain itu, konsep bermanfaat turut ditunjukkan oleh Rasulullah SAW tatkala baginda memberikan manfaat yang bukan dalam bentuk barangan atau harta benda. Dalam hadis riwayat al-Sya'bi, Rasulullah SAW dikatakan memberikan bayaran mas kahwin kepada isteri baginda Saidatina Juwayriyah RA berupa pembebasan daripada tawanan perang:

كانت جویریة ملك رسول الله فاعتقها، وجعل عتقها صداقها، وعتق كل اسير من بني المصطلق

Maksudnya:“ Juwayriyah merupakan ahli tawanan perang Rasulullah, lalu baginda membebaskannya. Baginda telah menjadikan pembebasan tersebut sebagai mas

kahwin Juwairiyah, dan baginda telah membebaskan setiap tawanan perang Bani Mustaliq". (H.R. al- Ṭabrānī)

Hadis di atas menunjukkan bahawa, mas kahwin sebagai pembebasan Saidatina Juwairiyah RA adalah satu manfaat yang terlalu besar, bukan sahaja menjadi seorang isteri akan tetapi menjadi seorang yang merdeka. Hal ini kerana kehidupan sebagai orang yang merdeka jauh lebih besar manfaatnya daripada apa jua nilai barang di dunia, bahkan harga bagi sebuah nilai pembebasan daripada menjadi tawanan perang bukanlah sesuatu yang murah dan mudah dibayar oleh sesiapa sahaja terutama pada zaman perang. Ini menunjukkan konsep keutamaan bukan sahaja perlu mengambil kira manfaat bersifat fizikal sahaja, bahkan manfaat lain yang lebih besar kesannya juga perlu di ambik perhatian seperti manfaat mas kahwin yang diterima Saidatina Juwairiyah RA berupa kebebasan yang memberi manfaat jangka masa panjang dalam kehidupan dunia dan akhirat. Pengaplikasian konsep keutamaan yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW ini seharusnya diterapkan dalam urusan perbelanjaan walimatulurus dan hantaran masa kini. Bagi urusan walimatulurus, idea keutamaan ini boleh dipraktikkan dengan cara membelanjakan menu jamuan pada kadar yang tidak membazir dan tidak perlu dimewahkan dengan makanan yang pelbagai serta menukarkan pemberian cenderahati buat tetamu daripada *doorgift* yang memakan belanja tinggi (Syh Noorul Madiah Syed Husin, 2017) kepada bunga telur rebus. Wang hantaran pula seharusnya tidak diletakkan pada kadar yang tinggi, cukup memadai sekadar mengikut kemampuan bakal suami atau had kifayah asas perbelanjaan nafkah untuk isteri selama sebulan kerana kehidupan selepas berkahwin sudah pasti menjadi tanggungjawab suami untuk memberi nafkah. Pihak pengantin perlu juga melihat kepada konsep *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* tatkala membuat perbandingan keperluan dan perancangan bajet perkahwinan agar dapat mengasingkan perkara yang perlu dan tidak perlu dibelanjakan.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perjalanan urusan perkahwinan dilaksanakan menepati konsep masalah kepenggunaan, maka perlunya amalan perbelanjaan yang berlandaskan keutamaan dan meraih manfaat yang menyeluruh seperti dapat mengelakkan pembaziran. Justeru, penganjuran konsep perbelanjaan secara keutamaan bersama ahli keluarga pastinya dapat meminimumkan perbelanjaan yang tidak perlu di zaman moden yang sangat menuntut kepada perbelanjaan dan konsumerisme.

## KESIMPULAN

Pengurusan perbelanjaan perkahwinan mengikut perspektif Islam yang berdasarkan konsep masalah kepenggunaan perlu dibudayakan oleh setiap ahli masyarakat khususnya menerusi didikan dari awal. Kewajaran aplikasi konsep masalah kepenggunaan ini bukan sekadar untuk dijadikan teori, namun dijadikan amalan yang memandu masyarakat Islam khususnya pasangan muda yang ingin mendirikan rumah tangga memandangkan urusan perkahwinan masa kini amat memerlukan suatu perancangan dalam aspek kepenggunaan yang betul. Bebanan perbelanjaan perkahwinan semasa sepatutnya dimudahkan bagi menyalahkan masalah sosial seperti zina, keberhutangan dan perkahwinan lewat usia dan ini memerlukan kerjasama daripada setiap pihak. Pihak berautoriti disarankan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membantu umat Islam khususnya masyarakat Melayu dengan pelan tindakan secara

holistik seperti dimasukkan dalam silibus kursus perkahwinan dan mewujudkan pakar kaunselor kewangan keluarga agar masyarakat maklum dan memahami mengenai pengurusan perbelanjaan perkahwinan berdasarkan konsep masalah kepenggunaan sekaligus membantu mereka dalam urusan perkahwinan.

## RUJUKAN

- Abd al-Salam, ‘Izz al-Din ibn. (1974). *Qowaid al-Ahkam fi Masalihu al-Anam*. Beirut: Darul al-Jail.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1962). *al-Milkiyah wa Nazariyah al-‘Aqd fi al-Syari ‘ah al-Islamiyah*. Mesir: Darul Fikri al-‘Arabi.
- Ahmad Hidayat Buang. (2009). Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia. *Jurnal Muamalat Bil 2* , 1-15.
- Asqalani al-‘, Ibnu Hajar. (2001). *Fathul Bari Syarah Sahih Bukhari ed. ‘Abd al-‘Aziz ibn Baz dan Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Jilid ke-5, ke-9 dan ke-11*. Qaherah: Maktabat al-Misr.
- Azharuddin Abdollah, Nurul Aini Md Rais, Nur Hidayat Nordin & Intan Syaquina Jaafar. (2021). Pengurusan Kewangan Mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Menerusi Maqasid Syariah. *Jurnal Maw’izah Jilid 4* , 81-93.
- Basri Abd. Ghani, Abd Aziz Harjin dan Sayuti Abd.Ghani. (2008). Konsep Penggunaan dari Perspektif Ekonomi Islam. *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan* (pp. 1-36). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bowen, G.A. (2009). *Document Analysis as a Qualitative Research Method. Qualitative Research Journal 9* (2).
- Fakhrudin Abdul Mukti, Mohd Fauzi Hamat, Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid. (2010). Wasatiyyah dan Keamanan Global: Kajian Terhadap Pemikiran Ulama Melayu. *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari 2010* (pp. 1-15). Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Fatimah Abdullah. (2009). “Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan,”. *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu 27*, No.1, 101.
- Fatimah Salwa Abd Hadi, Nurhanie Mahjom, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Normala Zulkifli, Norimah Rambeli @ Ramli dan Mohamad Azahari Ahmad. (2016). “Analisis Corak Perbelanjaan Perkahwinan dalam Kalangan Graduan”, . *Management Research Journal, 6-1* , 22-31.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad B. Muhammad. (1997). *al-Mustafa Min ‘Ilm al-Usul Tahqiq: Dr. Muhammad Sulaiman al-Asyqar*. Beirut: Muassasah al-Risalah. (1) 416.
- Haslina Hassan dan Ann Wan Seng. (1995). *Wanita dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn ‘Ashur, Muhammad Tahir. (2001). *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafa’ Islam.
- Ibn Hanbāl, Ahmad. (1978). *Musnad al-Sayyidah ‘Ā’ishah, Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbāl wa bi Hamīshih Muntakhab Kanz al-‘Ammāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af’āl, vol. 6*. t.tp: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ al-Hafiz. (1998). *Tafsir Ibn Kathir, Jld. 1 & 3*. Beirut: Dar al-Fikr.



- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Rab‘i. (t.t). "Sunan Ibn Majah", dalam *al-Shaykh, Mawsū‘at al-Ḥadīth alSharīf*, 2591. al-Kutub al-Sittah.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (2005). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudāmah. (1997). *al-Mughnī* (ed. ‘Abd Allah Ibn ‘Abd al-Muhsin al-Turki dan ‘Abd al-Fattah Muḥammad al-Halw. Riyād: Dār ‘Alam al-Kutub.
- al-Kasani, ‘Ala’ al-Din Abi Bakr ibn Mas’ud. (2000). *Bada’i’ al-Sana’i’ fi Tartib al-Shara’i’*, ed. Muhammad ‘Adnan ibn Yasin Darwish. Jilid ke-2 dan ke-. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Kazim, Muhammad Nabil. (2006). *Kayfa Tukhattit Masyru’ Zawaj Najih*. Qaherah: Dar al-Salam.
- al-Khin, Mustafa, al-Bugho, Mustofa & al-Syarbani, Ali. (2005). Kitab Fikah Mazhab Syafii, Terjemahan al-Fiqh al-Manhaji Jilid IV. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mamat, N. Z. Mohamad Hassan, H & Jaafar, S. B. (2013). Hubungan Antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar Dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi-Satu Kajian Kes Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical and Education Colloquium Politeknik Tuanku* , 25-31.
- Moffat, D. W. (1982). *Economics Dictionary*. USA: Elsevier Science Publishing Company.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Muhammad Rahimi Osman. (2015). Kerangka Fiqh Kepenggunaan dan Rekonstruksinya Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. 1(1) , 135-156.
- Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin, Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2020). Konsumerisme dan Kelas Sosial dalam Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu. *Akademika* 90 (Isu Khas 1/Special Issue), 35-49.
- Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin dan Mohamad Fauzi Sukimi. (2016). Impian dan Realiti Majlis Perkahwinan Orang Melayu Masa Kini: Kajian kes di pinggir Bandar Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 7 , 1-12.
- Muhamad Faisal Ashaari, Muhamad Zulkifli Abdul Ghani, Abdul Ghafar Don & Zulkefli Aini. (2018). Wasatiyyah Ialah Keseimbangan Dalam Beragama. *Prosiding, Seminar Antarabangsa Pengurusan & Kepimpinan Islam: Isu dan Cabaran*. (pp. 85-101). Bangi: Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamadul Bakir & Khatijah Othman. (2017). Wasatiyyah Sebagai Satu Pendekatan Strategik Ke Arah Kesejahteraan Dan Keharmonian Masyarakat. *Jurnal Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia*. 3 , 15-27.
- Muhammad Abdul Manan. (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*. Lahore: Sh. Muhammad Asra.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hujjaj. (2000). "Sahih Muslim." Dalam *Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din ibn Syarf. (2001). *Sahih Muslim bi Sharh al Nawawi, Kitab al- Qadr, Bab Kayfiyah al-Khalaq al-Adami fi Batn Ummih wa Kitabah Rizqih wa Ajalih wa ‘Amalih wa Syaqaawatih wa Sa’datih no. hadith 2643, vol.16, 183*. t.tp: Dar al-Taqwa.

- Nik Nazmi Nik Ahmad. (2010). *Mendepani zaman: Melayu untuk abad ke-21*. Shah Alam: Marshall Cavendish Editions.
- Noraihan Mamat Zambri, Hasmida Mohamad Hassan dan Syaiful Baharee Jaafar. (2013). Hubungan Antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi- Satu Kajian Kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. (TEC) PTSB. *Technical and Education Colloquium* (pp. 25-31). Alor Setar: Technical and Education Colloquium.
- Noresah Bahrom. (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noryamin Aini. (2014). Tradisi Mahar di Ranah Lokalitas Umat Islam: Mahar dan Struktur Sosial di Masyarakat Muslim Indonesia. *Jurnal Ahkam* 14(1), 13-30.
- Nurshuhaida Abdul Razak & Siti Zaiton Mohd Dali. (2012). Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Jilid (2)*, 1461– 1470.
- Nurul Ain Hassan dan Suresh Kumar N.Vellymalay. (2018). Wanita Bekerja dan Kahwin Lewat: Satu Kajian di Kuantan, Pahang. *Journal of Social Sciences and Humanities* 15(5), 128-144.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1999). *Fiqh al-Awlawiyat*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Qardhawi, Yusuf. (1997) Peran Nilai dan Moral Dalam Perekonomian Islam (Terjemahan K.H. Diddin Hafidhuddin). Jakarta: Robbani Press.
- al-Qaysi, Kamil Sakr. (2008). *Tarshid al-Istihlak fi al-Islam (edisi ke 1)*. Islamic Affairs & Charitable Activities Department: Hukumah Dubai.
- al-Rummani, Zayd ibn Mahmud. (1994). al-Mafahim al-Istihlakiyyah fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyah. *Muslim World League*, Jilid 15, 153.
- Saiful Azhar Rosly. (1986). *"Pembangunan dan Perancangan"*, *Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam*. Petaling Jaya: Kulliyah Ekonomi UIA.
- Shaliza Dasuki, Fazlina Mohd Radzi, Nurkhasilah Idris dan Nur Hasliza Abdulah. (2015). Perkembangan Budaya Populer dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu. *International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015) E-Proceeding*, pp. 1-12.
- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (2000). *Ahkam al-Usrah li Bait al-Muslim*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.
- al-Shātībī, Abū Ishāq Ibrahim Ibn Musa Ibn Muḥammad. (1975). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Darul Ma`rifah.
- al-Shātībī, Abū Ishāq Ibrahim Ibn Musa Ibn Muḥammad. (2006). *Al I'tisam*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn 'Ali. (1995). *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i, ed. Zakariyya Amirat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Siti Zaleha Ibrahim, Mohd Faisal Mohamed & Phayilah Yama. (2019). Elemen Perbelanjaan dalam Perkahwinan Melayu: Tinjauan Hukum dari Perspektif Fiqh Kontemporari. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 12 - 18.

- Siti Zaleha Ibrahim. (2011). *Taakhur al-Zawaj Fi Malizia: al-Musykilat Wa Hululuha Min Ru'yah Fiqhiyyah Mu'asorah. Tesis Sarjana*. . Kuala Lumpur: Kulliyah of Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Surthaman Kastin Hassan & Sanep Ahmad. (2010). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan, H 77*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān. (2004). *al-Ashbah wa al-Nazā’ir fi Qawā’id wa Furū’ al-Shāi’yyah, vol. 1 (ed. Muḥammad Muḥammad Tamir dan Hafiz ‘Ashur Hafiz; 194-220*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah. ( 1996). *Nailul Author Min Asrar Muntaqol Akhbar*. Kaherah: Dar al-Salām.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2014). Konsep al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam. *Jurnal Syariah*. 22(3): , 323-354.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2016). Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW. *Jurnal Usuluddin* 43, 1-3.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari, Asmak Ab. Rahman. (2016). Perbelanjaan Perkahwinan Bagi Masyarakat Muslim: Analisi Literatur. *Jurnal Fiqh* 13, 23-56.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin. (2014). “Mas Kahwin dalam al-Quran dan Implikasinya Terhadap Penentuan Kadar,”. *Etika Kerja dan Pengurusan Harta*, ed. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. , 69-85.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin. (2017). Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim dalam Perspektif Syariah. Kuala Lumpur: Akademi pengajian Islam Univerisiti Malaya.
- al-Tabari, Abu Ja‘far Muhammad Ibn Jarir. (1988). *Jami'al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Qur'an. Juzu'2*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wijaya Kamal Ramlan, Janice L. H. Nga, Rafiq Idris & Debbie Dyana Jun Jinideh. (2018). Corak Perbelanjaan Dan Kemampuan Berbelanja Golongan Belia di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 18, 1-22.
- Zainorinyana Jamoran Yana & Vivien WC Yew. (2017). Amalan Rewang Dalam Masyarakat Jawa di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3), 53-64.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. (1986). *al-Madkhal li Dirasat al-Shar’iyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Maktabat al-Quds.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. (2006). *al-Wajiz fi Usul al- Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyrin.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islam wa Adilatuhu, Jil. 4: 40*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2008). *Usul Fiqh al-Islami. Juz II*. Beirut: Darul Fikri.
- Zurita, Mohd Yusoff. (2008). “Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia”. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1(1), 43-57.